



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**  
**ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION (EAIC)**  
Aras 5, Blok Menara, Bangunan Menara Usahawan  
No.18, Persiaran Perdana, Presint 2  
62652 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-8880 5650  
Faks (*Fax*): 603-8880 5646  
Laman Web (*Web*): [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my)

---

## **SIARAN MEDIA**

### **PROGRAM E.R.A.T SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC) BERSAMA DENGAN MASYARAKAT PERINGKAT ZON UTARA DI PERAK**

**Ipoh, Perak, 8 Disember 2022** – Program E.R.A.T EAIC bersama dengan Masyarakat peringkat Zon Utara anjuran EAIC hari ini adalah untuk meningkatkan kesedaran orang awam mengenai fungsi dan peranan EAIC. Majlis perasmian tersebut telah disempurnakan oleh YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak bertempat di Dewan Bankuet, Pejabat SUK Negeri Perak.

Program E.R.A.T ini diadakan dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak telah dihadiri oleh 600 orang yang terdiri daripada Ketua Jabatan Agensi-Agensi Penguatkuasaan di bawah seliaan EAIC antaranya seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Program ini juga dihadiri oleh Agensi-Agensi Awam peringkat Negeri. Turut hadir adalah pegawai-pegawai Daerah, Penghulu-Penghulu Mukim dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK).

Objektif utama kempen tersebut adalah untuk menggalakkan sikap kebertanggungjawaban masyarakat dalam melaporkan salah laku pegawai penguat kuasa, meningkatkan akauntabiliti agensi penguatkuasaan dan memupuk kepercayaan masyarakat terhadap EAIC dalam usaha membanteras salah laku pegawai penguat kuasa dan membudayakan integriti dalam perkhidmatan awam.



Selain daripada komitmen merakyatkan perkhidmatan EAIC selaku badan pengawasan integriti, EAIC menyeru agar masyarakat meningkatkan kepekaan serta keprihatinan terhadap isu-isu berkaitan salah laku dan penyalahgunaan kuasa dalam perkhidmatan awam khususnya dalam kalangan pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan.

Aktiviti promosi E.R.A.T EAIC akan menemui masyarakat umum di Perak selama empat (4) hari bermula dari 7 Disember 2022 hingga 10 Disember 2022 melibatkan beberapa lokasi utama tumpuan umum iaitu—

BIL	TARIKH	MASA	LOKASI
1.	7 Disember 2022 (Rabu)	3.00 - 5.00 petang	(i) Padang Polo Ipoh (ii) Dataran Ipoh
2.	8 Disember 2022 (Khamis)	3.30 - 5.30 petang	(i) Kuala Kangsar (iii) Batu Gajah
3.	9 Disember 2022 (Jumaat)	3.30 - 5.30 petang	(i) Kolej Poly-Tech Mara (ii) Heritage Lane Ipoh
4.	10 Disember 2022 (Sabtu)	10.00 pagi - 12.00 tengah hari	(i) Kompleks UTC Ipoh (ii) Kompleks Gopeng (iii) Teluk Intan

Orang ramai dijemput hadir ke lokasi-lokasi di atas untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai fungsi dan peranan EAIC di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*] dan mengutarakan isu-isu berkaitan aduan salah laku pegawai penguat kuasa atau agensi penguatkuasaan.



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**  
**ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION (EAIC)**  
Aras 5, Blok Menara, Bangunan Menara Usahawan  
No.18, Persiaran Perdana, Presint 2  
62652 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-8880 5650  
Faks (*Fax*): 603-8880 5646  
Laman Web (*Web*): [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my)

---

Untuk maklumat lanjut sila hubungi Urus Setia EAIC di talian pertanyaan 011 1110 1082 atau 019 383 1915.

-TAMAT-

**"INTEGRITI DIJULANG NEGARA BERMARUAH"**  
**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**NORHAYATI AHMAD**

Setiausaha / Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan

EAIC adalah sebuah badan berkanun Persekutuan yang ditubuhkan melalui Akta Parlimen bertanggungjawab memantau dan menjalankan siasatan terhadap aduan orang ramai mengenai salah laku penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*]. Penubuhan EAIC adalah selaras dengan sasaran Kerajaan untuk menyemai dan meningkatkan integriti dalam kalangan pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan.

---

TEGAS      TELUS      EFISIEN